

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

EAIC SYOR TINDAKAN TATATERTIB PELANGGARAN PROSEDUR KELULUSAN VESEL PUKAT TUNDA OLEH JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

***UNTUK SIARAN SEGERA
27 OGOS 2025***

EAIC telah menerima aduan terhadap Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Johor berhubung kelulusan permohonan pindah milik, pindah pangkalan dan/atau ubah suai melibatkan lima (5) buah vesel yang menggunakan pukot tunda, tanpa mematuhi Dasar Penghapusan Pukot Tunda yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Berikutan itu, siasatan telah dijalankan mengikut peruntukan subseksyen 27(4), Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati terdapat pelanggaran prosedur dalam proses kelulusan oleh DOF terhadap salah satu daripada lima buah vesel yang disiasat, melibatkan permohonan pindah milik, pindah pangkalan dan/atau ubah suai. Pelanggaran ini menjejaskan usaha Kerajaan dalam menguatkuasakan Dasar Penghapusan Pukot Tunda secara berkesan dan boleh menimbulkan implikasi serius terhadap pengurusan sumber perikanan negara.

SYOR

EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tatatertib DOF dengan syor supaya tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat, di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993], atas kesalahan ingkar perintah sebagaimana diperuntukkan di bawah peraturan 4(2)(i) peraturan yang sama.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**